

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
(PARIT SULONG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [ PARIT SULONG ]** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. berapakah jumlah syarikat yang telah didaftarkan di bawah GST setakat ini; dan
- b. apakah yang dilakukan oleh Kementerian untuk menggalakkan syarikat yang berpendapatan bawah RM500,000 untuk mendaftarkan diri secara sukarela.

**JAWAPAN**

- a. Seperti yang kita sedia maklum, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan

(GST) akan dikuatkuasakan pada 1 April 2015. Setakat 5 November 2014, sebanyak 125,216 buah syarikat telah berdaftar di bawah sistem GST. Secara purata pendaftaran GST kini mencecah antara 2,000 hingga 2,500 syarikat dalam sehari. Usaha juga sedang giat dijalankan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk meningkatkan lagi jumlah pendaftaran syarikat-syarikat ke dalam sistem GST.

b. Tumpuan Kerajaan pada masa ini adalah untuk memastikan perniagaan yang telah mencapai nilai ambang RM500,000 yang wajib berdaftar secara mandatori sebelum 31 Disember 2014. Antara langkah yang telah diambil termasuklah:

- i. Menghebahkan informasi berkaitan GST melalui media cetak dan media elektronik;
- ii. Mengeluarkan surat peringatan kepada bakal registran yang telah dikenal pasti melalui maklumat yang diperolehi bersumberkan data daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN);
- iii. Meminta semua pemegang lesen cukai jualan dan cukai perkhidmatan

sedia ada untuk berdaftar dengan sistem GST;

- iv. Mengadakan Hari Terbuka GST atau Hari Bertemu Pelanggan;
- v. Memperbanyakkan program pendaftaran *in-situ* di setiap taklimat GST yang diadakan;
- vi. Menubuhkan Pusat Panggilan Kastam (*call centre*) yang beroperasi di Kelana Jaya, Selangor; dan
- vii. Mengadakan program *hand holding* bagi memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar supaya peniaga dapat memahami dengan lebih jelas terhadap prosedur dan peraturan GST.

Perniagaan yang tidak mencapai nilai ambang adalah bebas untuk membuat pilihan sama ada ingin berdaftar atau tidak setelah mengambil kira faktor *start-up cost* dan *compliance cost* berkaitan. Sesebuah perniagaan yang berdaftar secara sukarela perlu kekal dalam sistem GST sekurang-kurangnya selama dua (2) tahun.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DATO NORAINI BINTI AHMAD  
[ PARIT SULONG ]  
SOALAN :**

**YB DATO NORAINI BINTI AHMAD [ PARIT SULONG ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pusat dialisis yang dioperasikan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) mengikut negeri dan jumlah subsidi yang diperuntukkan kepada pesakit dialisis yang menerima rawatan di pusat dialisis tersebut.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyediakan pelbagai kemudahan kesihatan dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat miskin dan kurang berkemampuan yang mengalami penyakit ginjal tahap akhir (End Stage Renal Disease) dengan menyediakan bantuan subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin (EPO) apabila mendapat rawatan dan suntikan ini di pusat-pusat dialisis yang dikendalikan oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Untuk makluman, sehingga kini sebanyak 61 Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang mengendalikan 122 pusat dialisis di seluruh

negara telah didaftarkan oleh KKM sebagai penerima subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin. Negeri Johor mencatatkan taburan pusat dialisis yang dikendalikan oleh NGO tertinggi iaitu sebanyak 21 buah pusat dialisis diikuti Selangor (20), Kuala Lumpur dan Pulau Pinang (15), Perak (12), Negeri Sembilan (8), Sarawak (7), Kedah (6), Sabah (5), Melaka (4), Pahang dan Terengganu (3), Kelantan (2) dan Perlis (1).

Sejak tahun 2001 sehingga 2013, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memberi subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin kepada sejumlah 3,160 orang pesakit miskin dan kurang berkemampuan, iaitu pada kadar sebanyak RM50 untuk setiap rawatan dialisis manakala RM18.50 untuk suntikan erythropoietin. Perbelanjaan Kerajaan bagi membiayai subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin sejak dari tahun 2001 sehingga kini ialah RM288.00 juta dan pada tahun 2013 sahaja sebanyak RM31.61 juta telah diluluskan sebagai subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin.